

29/05/2003

Amerika tidak senangi kenyataan pemimpin Malaysia

KUALA LUMPUR: Duta Amerika ke Malaysia, Marie Huhtala, mengingatkan pemimpin negara ini bahawa hubungan Washington dan Kuala Lumpur akan tergugat jika mereka tidak menghentikan kritikan terhadap dasar luar Amerika Syarikat.

Huhtala berkata, walaupun negara lain turut membantah operasi ketenteraan di Iraq, kenyataan pemimpin Malaysia paling tidak menyenangkan Washington.

"Kenyataan yang dibuat langsung tidak membantu dan saya mengingatkan anda bahawa Washington sentiasa memantau keadaan itu. Tentu wujud kesan negatif pada hubungan kedua-dua negara.

"Ada kenyataan secara terbuka oleh pegawai Malaysia mencela Amerika menggunakan istilah yang mencetuskan kemarahan dan kadang-kala kesat," katanya dalam ucapan yang disiarkan dalam laman web kedutaan berkenaan.

Bagaimanapun media dilarang membuat liputan ketika beliau membuat ucapan berkenaan pada forum perniagaan Jumaat lalu.

Menurut laporan Reuters, beliau turut merayu supaya hubungan dua hala Amerika-Malaysia dipulihkan seperti tahun lalu.

Beliau turut menyebut Amerika adalah rakan perdagangan terbesar Malaysia dan kedua-dua kerajaan menjalin hubungan kukuh dalam bidang pertahanan dan keselamatan yang lama.

Sebelum ini, pegawai Malaysia berkata, Washington pernah mengancam untuk memanggil pulang dutanya berikutan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur berhubung mangsa serangan 11 September 2001 di Amerika.

Malaysia mengkritik kuat dasar Amerika ke atas Iraq dan Israel. Awal bulan ini, Dr Mahathir yang terkenal dengan kelantangannya turut mengatakan bahawa Amerika takut dengan bayang-bayangnya sendiri kerana melarang rakyatnya ke Malaysia atas kebimbangan serangan pengganas.

Huhtala bagaimanapun tidak hanya merujuk pada Dr Mahathir yang akan bersara Oktober depan selepas 22 tahun memimpin kerajaan, tetapi seperti berkias mengenai ucapan pada persidangan berkenaan.